KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	07.10.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JKPTG			



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam untuk dikenakan pertuduhan pecah amanah dan pemalsuan dokumen, tujuh tahun lalu.

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Palsu dokumen tanah RM1 juta

Dua beranak mengaku tidak bersalah atas tuduhan pecah amanah babit dua bidang tanah

RM100k
Jumlah jaminan yang dikenakan bagi semua pertuduhan Yew Loong.

Dua beranak mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam atas pertuduhan pecah amanah dan pemalsuan dokumen membabitkan dua bidang tanah bernilai lebih RM1 juta, tujuh tahun lalu.

Tertuduh, Wong Yew Loong, 44 dan Lim Siew Kin, 69, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Norshila Kamaruddin selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Mengikut pertuduhan, tertuduh bersama-sama sebagai ejen iaitu pengarah sebuah syarikat dalam kapasiti itu telah diamanahkan dengan penguasaan ke atas dua bidang tanah iaitu PN 44192 Lot 5802 dan PN 44193 Lot 5803 di Port Dickson, telah melakukan pecah amanah jenayah dengan curangnya menyalahgunakan harta berkenaan.

Kesalahan dilakukan di pada 8 Disember 2015 antara jam 11 pagi hingga jam 2 petang di satu alamat di Taman Rasah Jaya, di sini.

Oleh itu, kedua-dua tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 409, Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34, kanun yang sama.

Jika disabitkan, hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan tidak lebih 20 tahun dan sebat dan boleh juga dikenakan denda.

Kedua-dua tertuduh juga berdepan pertuduhan dengan curangnya telah menggunakan sebagai tulen satu dokumen iaitu resolusi pengarah syarikat sama bertarikh 8 Disember 2017 untuk dua harta iaitu dua bi... tanah berkenaan yan... tuduh ketahui adalah ... pada masa tertuduh m... gunakannya adalah satu d... kumen palsu.

Kesalahan dilakukan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan, Wisma Negeri, Jalan Dato Abdul Kadir, di sini, pada jam 10.16 dan jam 10.21 pagi, pada 14 Februari 2017.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 471, Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Hukuman penjara boleh ...mpai dua tahun atau de... denda atau kedua-dua...

...hkamah kemudian me...pkan jaminan sebanyak ...M100,000 bagi semua pertuduhan terhadap Yew Loong manakala jaminan RM20,000 kepada Siew Kin dengan seorang penjamin.

Tertuduh juga perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri di balai berdekatan dua kali seminggu.

Kedua-dua tertuduh diwakili peguam Cassandra Peter.

Sebutan semula kes pada 14 November 2022.

HM071022_4